

26/09/2003

Cenderahati tepak sirih dipamer di PBB

NEW YORK: Malaysia semalam menyerahkan sebuah arca tepak sirih sebagai cenderahati kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk dipamerkan di ruang legar pejabat pertubuhan itu di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada majlis penyerahan arca itu kepada Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan berkata, tepak sirih itu adalah satu simbol diplomasi, dialog, persahabatan dan kerjasama sejagat.

"Tepak sirih ini juga melambangkan ketegasan PBB terutama dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi dunia sekarang," katanya.

Dalam ucapan ringkasnya itu, Dr Mahathir berkata, sejak Malaysia diterima sebagai anggota PBB pada 17 September 1957, tahun ini adalah kali ke-46 delegasi Malaysia menghadiri perhimpunan agung itu.

"Beberapa negara anggota lain sudah menyampaikan hadiah mereka. Saya amat gembira dapat menghadiri perhimpunan ke-58 kali ini seterusnya menyerahkan sebuah tepak sirih kepada PBB bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia," katanya.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pegawai Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke PBB di sini.

Menurut Dr Mahathir, di Malaysia sejak dulu lagi tepak sirih digunakan dalam majlis berbual mesra, perbincangan dan acara penting sama ada di kalangan istana, perjumpaan masyarakat kampung dan di rumah ketika dikunjungi tamu.

Sehingga hari ini, kata beliau tepak sirih masih diketengahkan dalam pelbagai majlis tradisional seperti perkahwinan.

Menurut Dr Mahathir, tepak sirih yang dihasilkan di Malaysia juga mencerminkan semangat perpaduan dan harmoni yang wujud di kalangan masyarakat pelbagai etnik dan budaya.

"Cenderahati ini akan terus menjadi simbol betapa komitednya sokongan Malaysia terhadap PBB," katanya.

Perdana Menteri berharap setiap pengunjung yang datang ke pejabat PBB akan dapat merasakan betapa tingginya kesungguhan Malaysia mengekalkan suasana harmoni dunia.

Terdahulu Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Annan, Presiden perhimpunan kali ini, Julian Hunte dan Presiden Filipina, Gloria M Arroyo.